

# Dokumentari Ulama Nusantara kukuh jalinan diplomatik ASEAN

## Komentar



**Dr Azmul Fahimi  
Kamaruzaman**

Ketua Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM

Pelancaran dokumentari Ulama Nusantara sempena Forum Ekonomi Islam Sedunia 2016 di Jakarta membina langkah positif dalam jaringan antara pihak korporat, industri dan universiti, khususnya dalam bidang pengajian Islam. Jaringan ini dilihat amat signifikan dalam memperkuatkukuhkan iklim jalinan diplomatik negara-negara ASEAN yang diikat dengan nilai ilmu, sejarah, tamadun dan budaya serumpun.

Dokumentari 13 episod ini diterbitkan Primeworks Studio Sdn Bhd menggunakan kepakaran akademik penyelidik di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Projek ini mendapat suntikan dana daripada Khazanah Nasional.

Episod pertama bakal menemui

penonton pada Oktober ini di saluran TV3 manakala Metro TV bakal menjadi penyiarnya di Indonesia. Dokumentari Ulama Nusantara adalah satu daripada langkah strategik UKM untuk mewujudkan jaringan berterusan dengan pihak korporat dan industri.

### Perkongsian sejarah

Bersama slogan universiti sebagai 'Pendaulat Amanah Negara', UKM ingin memastikan setiap korpus ilmu dapat disampaikan dengan lebih berkesan kepada masyarakat, negara dan global. Melalui jaringan strategik ini juga, satu perkongsian sejarah dan tamadun yang sama dapat disingkap kembali dalam bentuk visual.

Kewujudan ulama silam di rantau Nusantara memberi nafas kepada perkembangan Islam di kepulauan Melayu-Indonesia meliputi Malaysia, Indonesia, Thailand, Brunei, Singapura dan Filipina. Kemasukan Islam sebagai agama diterima baik oleh perintah kerana kebijaksanaan ulama dari Asia Barat menggunakan medium perdagangan sebagai cara dakwah.

Kaedah ini berjaya menghindarkan penyebaran Islam melalui perang dan penaklukan. Bermula sebagai penasihat agama kepada Sultan dan pemerintah, ulama menggiatkan aktiviti mereka kepada penghasilan manuskrip ilmu Is-

lam dalam bidang fikah, akidah, tasauf, kesusasteraan dan bahasa.

Tulisan jawi dan bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu dalam mencerakinkan epistemologi Islam di Nusantara. Proses ini membolehkan wujudnya pondok dan pesantren yang tumbuh di merata Nusantara. Pengajian berkembang dengan pesat melalui pemusafiran para murid mencari Tuan Guru, Kiyai dan Baba yang kemudian mewujudkan silang intelektual, budaya dan perkahwinan.

### Keberkatatan ilmu

Rasa hormat yang tinggi murid kepada gurunya atas faktor ilmu dan keberkatatan membawa ilmu Islam berkembang melalui jaringan berterusan antara murid dengan guru dari satu generasi ke generasi merentasi kepulauan, kota dan desa. Persamaan pemikiran akidah dan manhaj ilmu antara generasi ulama menjadikan rantau ini benteng Ahli Sunnah wal jamaah yang ampuh dan aman.

Resipi ini juga meletakkan Islam pada bingkai kesatuan akidah di Nusantara. Penerbitan dokumentari adalah usaha berterusan bukan sahaja untuk mengenang kegemilangan masa lalu tetapi juga menggerakkan kejayaan masa depan. Usaha gigih ulama merintis dakwah keamanan melalui jalur perdagangan patut dicontohi dalam usaha mewujudkan rantau yang terus aman dan bebas daripada campur tangan asing.